



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	21/7/2019	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	IWK		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Hulu Selangor

Punca pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Selangor yang menyebabkan henti tugas di ketiga-tiga Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 (LRA SSP1, SSP2 dan SSP3) dikesan akibat pembuangan bahan berasaskan minyak di kawasan industri di Batang Kali, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna, Sains Teknologi dan Inovasi negeri, Hee Loy Sian berkata, hasil siasatan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menemui bahan tercemar berkenaan di kebuk masuk Loji Rawatan Kumbahan Serantau IWK Batang Kali, jam 7 pagi.


“Bahan terbabit dipercayai dibuang di dalam tandas dari kawasan perindustrian di sekitar Batang Kali menyebabkan air yang dirawat dilepaskan ke Sungai Liam dan berlaku pencemaran bau.

“Air Sungai Liam mengalir ke Sungai Batang Kali dan seterusnya ke Sungai Selangor menyebabkan seramai 1.2 juta pelanggan terjejas dengan pencemaran berkenaan,” katanya pada sidang media selepas melawat Loji Rawatan Kumbahan Serantau IWK Batang Kali, di sini, semalam.

HEE berkata, pihaknya percaya pencemaran itu dilakukan oleh pihak industri iaitu bengkel-bengkel yang

BUANG DALAM TANDAS

■ Bahan berasas minyak
punca bau sumber air



HEE (tengah) melawat Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batang Kali berikutan pencemaran Sungai Liam.

membuang sisa berkenaan ke dalam tandas.

“Siasatan untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap kejadian itu dijalankan. Kerajaan negeri tidak teragak-agak mengambil tindakan mahkamah.

“Setakat ini, sebanyak enam tan karbon aktif diletakkan di beberapa kebuk

luar di kawasan sekitar bagi mencegah pencemaran bau,” katanya.

Katanya, IWK akan menyedut semua sisa berasaskan minyak dan dijangka siap jam 5 petang semalam.

“Kerja-kerja pembersihan terhadap kebuk masuk giat dijalankan oleh IWK dan dijangka pulih,” katanya.